



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/1/2011

Perlu ketua baru yang berkelayakan, agresif bagi hadapi kerenah DAP

Pemuda UMNO PP tolak Norman

Oleh **ROKIAH ABDULLAH**
rokiah.abdullah@utusan.com.my.

PULAU PINANG 8 Jan. - Khabar angin mengenai perubahan pucuk kepimpinan Pemuda UMNO negeri ini semakin bertiup kencang sejak akhir-akhir ini.

Ini kerana rata-rata Ketua Pemuda bahagian serta ahli-ahlinya bertindak

menolak kepimpinan Ketua Pemuda UMNO negeri ketika ini, Norman Zahalan yang disifatkan tidak agresif.

Hasrat mereka itu dikatakan telah disuarakan kepada Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaludin dalam satu perjumpaan selepas Aidilfitri lalu.

Namun, difahamkan sehingga sekarang, tiada sebarang keputusan dibuat oleh Khairy berhubung perkara itu.

Seorang Ketua Pemuda bahagian yang enggan namanya disiarkan mengesahkan mengenainya.

Katanya, Pulau Pinang perlu mempunyai Ketua Pemuda baru yang berkelayakan serta agresif merancang aktiviti parti terutama dalam menghadapi kerenah kepimpinan negeri di bawah teraju DAP.

Menurut beliau, perubahan itu perlu

dibuat sekarang kerana Pemuda UMNO negeri dilihat semakin hilang arah dalam memainkan peranan sebagai pejuang rakyat terutama kepentingan orang Melayu di Pulau Pinang.

"Kita perlu ketua yang lebih agresif, berada di negeri ini, ada strategi serta mampu menangkis segala bentuk tindakan ketika berdepan DAP.

"Selain mendapat sokongan majo-

riti, ketua baru juga mesti seorang yang boleh diterima oleh semua pihak termasuk di peringkat akar umbi," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Norman dilantik menerajui kepimpinan Pemuda UMNO Pulau Pinang mulai 30 April 2008. Beliau juga merupakan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bayan Baru.

Justeru, menurut beliau, Norman

perlu diganti dengan ketua yang baru supaya Pemuda dapat disatukan semula terutama dalam memperkuat jenteranya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Tidak ada cara lain. Dia (Norman) perlu digantikan dengan orang yang baru. Jika ini dapat dilakukan, saya yakin sokongan terhadap Pemuda akan meningkat," katanya.